

Kemajuan teknologi sukarkan usaha jejak transaksi kewangan

Kuala Lumpur: Aktiviti dan ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF) semakin sukar diatasi serta dijejaki disebabkan coraknya yang berubah-ubah mengikut pelbagai faktor serta modus operandi yang semakin canggih.

Bank Negara (BNM) mendedahkan, penguat kuasa kini berdepan kesukaran dalam melakukan pembanterasan, termasuk aktiviti jejak kewangan disebabkan faktor kemajuan teknologi dan penggunaan keldai wang (*money mules*) yang me-

ningkatkan kepantasan transaksi.

Situasi ini sekali gus menyukarkan aktiviti jejak kewangan apabila kes itu dilaporkan atau dikesan penguat kuasa.

“Secara amnya, modus operasi yang lazim digunakan untuk pengubahan wang haram membolehkan aktiviti penempatan (*placement*), pelapisan (*layering*) dan integrasi (*integration*). Wang hasil kegiatan haram akan diubah menerusi proses ini melalui sistem dan instrumen kewangan tertentu.

“BNM bersama agensi pe-

nguatkuasaan dalam negara menjalankan usaha mengenal pasti teknik terkini digunakan dalam kegiatan haram. Ia dibuat melalui penilaian risiko ML/TF yang dijalankan secara berkala dan meliputi kajian kes dan pemerhatian terhadap trend kegiatan jenayah.

“Bagaimanapun, landskap jenayah dan kegiatan ML/TF terus berubah-ubah dengan modus operandi yang semakin canggih. Hal ini turut dipengaruhi oleh faktor seperti kemajuan teknologi dan penggunaan keldai wang, yang menyukarkan

aktiviti jejak kewangan,” katanya kepada *BH*.

BNM berkata, sejak tahun lalu, lebih RM60 juta wang dalam akaun yang terbabit dibekukan serta lebih 43,000 pemegang akaun keldai dikenal pasti dalam operasi yang dijalankan oleh Pusat Respons Scam Kebangsaan atau National Scam Response Centre (NSRC).

“NSRC yang ditubuhkan pada Oktober 2022 juga merekodkan lebih 19,000 aduan berkaitan pelbagai kes penipuan secara dalam talian,” katanya.

Kata BNM lagi, usaha juga

sedang dilaksanakan untuk mempertingkatkan keberkesanan NSRC, termasuk kerjasama BNM dengan sektor swasta seperti PayNet dan industri perbankan untuk melancarkan Portal Fraud Kebangsaan atau *National Fraud Portal* (NFP) menjelang pertengahan tahun ini.

NFP akan meningkatkan kecekapan dengan mengautomasi proses dalam operasi NSRC, termasuk proses menjejaki transaksi kewangan untuk tindak balas yang lebih pantas dalam usaha membantu mangsa kes penipuan.